

04 DEC 1996

Mahathir-Saudi

MAHATHIR MULAKAN LAWATAN EMPAT HARI KE SAUDI ESOK

Oleh: Zulkefli Salleh

MADINAH, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini esok untuk memulakan lawatan rasmi selama empat hari, yang kedua oleh seorang Perdana Menteri Malaysia sejak Merdeka.

Perdana Menteri yang turut diiringi rombongan 60 anggota termasuk lima menteri kabinet akan disambut oleh Gabenor Madinah, Putera Abdul Majeed Abdul Aziz Al-Saud di Lapangan Terbang Putera Mohammed Abdul Aziz petang esok.

Dr Mahathir akan tiba dari Belanda selepas lawatan tiga hari ke negara itu.

Beliau akan menunaikan solat Maghrib dan Isyak di Masjid Al Nabawi serta meziarahi makam Nabi Muhammad SAW dan Khalifah Abu Bakar Al-Sideq dan Omar Ibni-Al-Khattab dalam masjid itu.

Pada hari kedua, Dr Mahathir dijadual menemui pelajar-pelajar Malaysia sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Al Nabawi.

Dr Mahathir dijadual berlepas ke Riyadh pada lewat petang untuk menghadiri jamuan negara oleh Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz Al-Saud, di Istana Putera Mahkota.

Ketibaan Dr Mahathir dijangka disambut oleh Putera Mahkota yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Komandan Pengawal Kebangsaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Waled.

Jamuan makan malam negara selepas itu akan diikuti perbincangan rasmi dua hala.

Menurut diplomat, kerajaan Saudi jarang meraikan jempunan negara pada Khamis dan Jumaat.

Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Diplomat menyifatkan lawatan ini penting dalam usaha mengukuhkan hubungan Malaysia-Saudi berdasarkan persaudaraan Islam yang terjalin sekian lama.

Terdahulu pada sebelah tengah hari, Dr Mahathir akan singgah di Jeddah untuk bertemu dengan beberapa usahawan terkemuka negara ini.

Pada hari ketiga (Sabtu) Dr Mahathir akan menghadiri jamuan tengah hari dengan anggota Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Saudi. Menteri Dalam Negeri, Putera Naif Abdul Aziz Al-Saud dijangka menemui Dr Mahathir selepas itu.

Pada sebelah petang Dr Mahathir dijangka menghadap Raja Fahd.

Selepas pertemuan itu, Dr Mahathir akan berlepas semula ke Jeddah dan pada petang yang sama beliau akan ke Mekah dengan menaiki kereta untuk mengerjakan Umrah dan bermalam di kota suci itu.

Beliau akan mengerjakan Umrah pada keesokan harinya (Ahad).

Dr Mahathir dijangka berlepas ke Jeddah pada tengah hari untuk menamatkan lawatannya dengan menemui masyarakat Malaysia di sana. Beliau dijadual berlepas ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz pada 8 malam.

Saudi Arabia merupakan rakan perdagangan kedua terbesar Malaysia di Asia Barat selepas Emiriyah Arab Bersatu.

Jumlah perdagangan dua hala pada 1995 ialah RM1.5 bilion. -- BERNAMA

ZKS SN MAI